

MSM LAPOR KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI RM96 JUTA UNTUK S4TK2024

MSM meneruskan peningkatan tahun ke tahun dengan keuntungan bagi TK2024

KUALA LUMPUR, 24 FEBRUARI 2025 – MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), pengeluar gula bertapis terkemuka negara jenama "Gula Prai", mencatatkan keuntungan sebelum cukai (PBT) sebanyak RM96 juta bagi suku keempat (S4) tahun kewangan berakhir Disember 2024 (S4TK2024), peningkatan sebanyak 81 peratus berbanding PBT bagi suku yang sama tahun sebelumnya (S4TK2023) sebanyak RM53 juta, didorong oleh peningkatan kecekapan pengeluaran daripada penggunaan kapasiti yang lebih baik, hasil yang lebih tinggi dan kecekapan tenaga yang lebih baik yang membawa kepada penggunaan gas yang lebih rendah.

Pada suku tersebut, Kumpulan mencatatkan pemulihan yang ketara dalam keuntungan, dipacu oleh kos pengeluaran yang lebih rendah didorong oleh kos gula mentah NY11 dan kadar USD yang lebih rendah, walaupun kos pengangkutan lebih tinggi. Kumpulan turut mencapai jumlah jualan 11 peratus lebih tinggi pada S4TK2024 berbanding suku yang sama tahun lepas, menunjukkan permintaan kukuh daripada pasaran Domestik dan Eksport. Namun, hasil Kumpulan sebanyak RM944 juta, adalah sedikit rendah, iaitu menurun sebanyak 1 peratus berbanding tempoh yang sama tahun lepas, disebabkan oleh penurunan 11 peratus Harga Jualan Purata (ASP).

Kumpulan juga mencapai kadar penggunaan kapasiti yang lebih tinggi, sebanyak 64 peratus pada S4TK2024 berbanding S4TK2023 sebanyak 52 peratus, dan peningkatan yang lebih baik dalam hasil kecekapan kepada 97 peratus dalam S4TK2024 berbanding 95 peratus pada S4TK2023.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Syed Feizal Syed Mohammad berkata, "Keuntungan MSM adalah hasil daripada prestasi operasi yang lebih kukuh, yang mendorong kecekapan kos seperti yang disasarkan. Dari segi komersil, jumlah jualan meningkat sebanyak 11 peratus. Namun, pertumbuhan ini diimbangi oleh penurunan 11 peratus dalam ASP. Termasuk dalam hasil ini adalah insentif kerajaan yang diberikan kepada industri gula tempatan untuk menangani anomali dalam ekonomi gula, di mana harga siling kawalan yang tidak berubah adalah harga yang terendah di rantau ASEAN,".

Bagi tempoh 12 bulan (12B) TK2024, MSM mencatatkan pemulihan dengan PBT sebanyak RM75 juta berbanding kerugian sebelum cukai (LBT) sebanyak RM28 juta dalam tempoh yang sama tahun sebelumnya. Hasil bagi 12BTK2024 meningkat kepada RM3.54 bilion, iaitu peningkatan sebanyak 15 peratus daripada RM3.09 bilion dalam tempoh yang sama tahun lalu.

Peningkatan hasil adalah didorong oleh kenaikan 6 peratus dalam ASP dan peningkatan 8 peratus dalam jumlah jualan. Kos pengeluaran bagi tahun ini meningkat terutamanya disebabkan oleh kenaikan 3 peratus dalam harga gula mentah NY11 dan kenaikan 22 peratus dalam kos pengangkutan. Namun, kos penapisan berjaya dikurangkan sebanyak 11 peratus, hasil daripada penggunaan kapasiti yang lebih baik dan kecekapan hasil yang lebih tinggi.

“Industri gula terus berdepan dengan kos input tinggi yang berpanjangan, dengan harga pengangkutan global dan gas asli kekal tinggi. Selain itu, harga gula mentah kekal tidak menentu akibat turun naik dalam jumlah pengeluaran global. Bagi mengurangkan risiko ini, MSM terus memperkukuh amalan lindung nilai gula mentah kami sebagai sebahagian daripada strategi pengurusan risiko yang lebih luas.”

Walaupun berdepan dengan cabaran ini, kami tetap komited untuk mengukuhkan pasaran domestik dan eksport di tengah-tengah permintaan yang stabil, sambil meneroka peluang serantau tambahan secara aktif. Selain itu, Industri Gula Bersama bekerjasama rapat dengan Kerajaan untuk memuktamadkan mekanisme penetapan harga yang mampan untuk segmen runcit domestik dan untuk menguruskan gula bertapis yang diimport. Usaha kerjasama ini penting bagi memastikan keterjaminan makanan dan kemampunan jangka panjang industri gula tempatan. MSM akan terus mencatat pertumbuhan dan keuntungan tahun ke tahun dengan sasaran untuk kembali sebagai saham yang membayar dividen, disokong oleh dasar dividen,” kata Syed Feizal.

“MSM mengakhiri tahun 2024 dengan penuh manis, meraikan ulang tahunnya yang ke-60. Kilang penapisan Prai—mercu tanda ikonik di Pulau Pinang dan kilang penapisan gula pertama di Malaysia—telah menjadi tunjang industri makanan negara sejak 1964, menyediakan peluang pekerjaan dan memacu pertumbuhan ekonomi di peringkat negeri dan negara. Kami mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak berkepentingan, rakan kongsi, pelanggan, dan terutamanya pengguna setia kami atas sokongan tidak berbelah bahagi mereka selama ini. Sebagai pelopor dalam industri gula tempatan, kami terus menetapkan penanda aras dalam aspek kualiti, inovasi dan kelestarian. Dengan kepakaran berdekad-dekad, amalan yang memenangi anugerah, dan komitmen yang teguh

terhadap kecemerlangan, kami tetap berdedikasi untuk menyokong keterjaminan makanan Malaysia dan memacu pertumbuhan ekonomi,” tambah Syed Feizal.

Sejak 1964, MSM telah mengukuhkan kedudukannya sebagai kilang penapis gula terkemuka negara dan antara 10 penapis gula terbaik di dunia yang mengeksport ke lebih 20 buah negara, menyediakan produk gula bertapis berkualiti tinggi untuk memastikan keterjaminan makanan Malaysia. Pertumbuhan MSM telah disokong oleh Kelestarian melalui rangka kerja ESG yang mantap yang disepadukan sepenuhnya ke dalam perniagaan dan operasi

-TAMAT-

Maklumat MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM)

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) ialah pengeluar gula bertapis terkemuka Malaysia dan salah satu syarikat penapis gula terbesar di Asia. MSM terlibat dalam pengeluaran, pemasaran dan penjualan produk gula bertapis di bawah jenama “Gula Prai”. Syarikat ini menjalankan perniagaan terutamanya melalui dua anak syarikatnya, MSM Prai Berhad dan MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd. Di samping itu, MSM juga mengendalikan sebuah syarikat logistik – MSM Logistics Sdn Bhd.

Pada masa ini, kapasiti pengeluaran tahunan MSM mencecah 2.05 juta tan gula bertapis. Pada tahun 2023, MSM mengeluarkan sebanyak 992,000 tan gula bertapis, di mana 242,077 tan adalah untuk pasaran eksport. Ketika ini, MSM menguasai sehingga 60% syer pasaran domestik. MSM telah disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia sejak 2011 dan mempunyai modal pasaran sebanyak RM2.24 billion setakat 22 April 2024. MSM menggabungkan kejayaan ekonomi bersama perlindungan alam sekitar dan tanggungjawab sosial untuk masa depan yang mampan.

MSM menawarkan pelbagai rangkaian produk daripada gula bertapis putih pelbagai saiz sehinggalah ke gula perang halus. Kesemua produk ini telah dipasarkan dan dijual di dalam pelbagai bentuk pilihan pembungkusan di bawah jenama “Gula Prai”. MSM juga turut menjual ‘molasses’ sejenis produk sampingan yang dihasilkan menerusi proses penapisan gula hingga ke produk penyulingan dan penghasilan etanol, makanan haiwan dan yis antara lain-lain produknya. Selain daripada produk pengguna isi rumah, MSM menjual kepada pelbagai pelanggan di Malaysia dan juga negara-negara lain secara langsung dan tidak langsung melalui pedagang, pemborong dan pengedar. Para pelanggan termasuklah syarikat-syarikat besar dalam industri minuman dan makanan, hotel, restoran dan rangkaian kedai-kedai makanan.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.msmsugar.com

Pernyataan Berpandangan Ke Hadapan

Beberapa pernyataan dalam laporan ini mengenai operasi MSM adalah berbentuk pernyataan yang berpandangan ke hadapan. Pernyataan ini boleh dikenal pasti dengan kata-kata kunci seperti “percaya”, “menganggarkan”, “mengharapkan”, “menjangka”, “berhasrat”, “mungkin”, “akan”, “merancang”, “prospek” dan perkataan lain yang mempunyai maksud yang berkaitan dengan perbincangan mengenai prestasi operasi atau kewangan masa hadapan. Pernyataan ini berkaitan dengan rancangan, objektif, matlamat, strategi, operasi dan prestasi masa hadapan MSM. Keputusan dan hasil sebenarnya mungkin berbeza daripada yang diunjurkan dalam mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan disebabkan oleh pelbagai peristiwa, risiko, ketidakpastian dan faktor lain yang terlibat. Kami tidak berhasrat atau tidak menanggung apa-apa obligasi untuk mengemas kini atau meminda mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan, sama ada disebabkan oleh maklumat baharu, peristiwa masa hadapan atau sebaliknya.

Untuk pertanyaan media sila hubungi:

Siti Noorbaya Mohd Yunus
+6016 677 6118
noorbaya.my@msmsugar.com

Syahidah Ismail
+6019 225 9705
syahidah.i@msmsugar.com